



PERHEBAT

**PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA
(PERHEBAT)**

1 PENGENALAN

1.1 Kompleks PERHEBAT

Kompleks PERHEBAT terletak di dalam Kem Sungai Buloh, berhampiran dengan Stesyen KTM dan MRT Sungai Buloh di negeri Selangor. Kompleks PERHEBAT menempatkan ibu pejabat PERHEBAT dan Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran ATM (PLBV) Kampus Induk.

1.2 PERHEBAT Cawangan Negeri/ Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran ATM (PLBV)

1.2.1. Terdapat 12 PERHEBAT Cawangan Negeri iaitu Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan/Trengganu, Sabah dan Sarawak.

1.2.2. Terdapat 13 PLBV diseluruh Negara yang berperanan sebagai hub latihan dan bimbingan untuk bakal pesara dan veteran ATM.

2. OBJEKTIF KURSUS/ LATIHAN

2.1 Menyediakan latihan dan bimbingan kepada anggota ATM akan bersara untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan/ atau pengalaman pekerjaan bagi menyesuaikan diri dengan corak penghidupan baru

2.2 Latihan dan bimbingan kepada veteran ATM adalah untuk kemahiran baharu, peningkatan kemahiran atau tambah nilai atau kepelbagaian pengetahuan dan kemahiran.

3. KONSEP LATIHAN

Sepanjang mengikuti kursus, pelatih PERHEBAT akan mendapat latihan dan bimbingan seperti berikut:

- a. 60/70 peratus pengetahuan dan kemahiran teras dalam bidang yang dipilih.
- b. 40/30 peratus latihan/ bimbingan berbentuk soft skill seperti Persediaan Minda, Sosial dan budaya, Pembangunan Kendiri, Pengurusan Kewangan dan konsep "think commercial".

4. KURSUS DITAWARKAN

4.1 Semua bakal pesara ATM yang layak dan Veteran ATM boleh mengikuti kursus yang ditawarkan di PLBV PERHEBAT mengikut tempoh yang ditetapkan. Veteran ATM boleh memilih untuk mengikuti kursus secara sepenuh masa atau pun secara modular mengikut keperluan masing-masing. Senarai kursus yang ditawarkan boleh dirujuk melalui pekeliling Senarai Kursus Latihan Peralihan (SKLP) yang diedarkan ke pasukan ATM ataupun melayari laman sesawang www.perhebat.com.my

5. JENIS PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN

5.1 Peperiksaan yang dijalankan di PERHEBAT adalah seperti berikut:

5.1.1 Peperiksaan dalaman yang dikendalikan oleh PERHEBAT.

5.1.2 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) iaitu peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

5.1.3 Sijil Pengendali Makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

5.1.4 Sijil Kecekapan Ketukangan (SKK), CIDB

6. BAHASA PENGHANTAR

Latihan yang dijalankan di PERHEBAT menggunakan Bahasa Malaysia. Bahasa inggeris digunakan dalam istilah teknikal.

7. WAKTU LATIHAN

7.1 Pelatih PLBV PERHEBAT (Negeri Kategori A)

Hari Ahad hingga hari Khamis	8.00 pagi – 5.00 petang
Waktu Rehat Pagi	10.00 pagi – 10.30 pagi
Waktu Rehat Tengahari	12.45 tengahari – 2.00 petang
Waktu Rehat (hari Jumaat)	12.15 tengahari – 2.45 petang

7.2 Pelatih PLBV PERHEBAT (Negeri Kategori B)

Hari Isnin hingga hari Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang
Waktu Rehat Pagi	10.00 pagi – 10.30 pagi
Waktu Rehat Tengahari	12.45 tengahari – 2.00 petang
Waktu Rehat (hari Jumaat)	12.15 tengahari – 2.45 petang
Waktu Rehat hari Jumaat (Sabah & Sarawak)	11.45 tengahari – 2.15 petang

7.3. Pelatih Latihan Industri

Latihan di Industri adalah mengikut waktu kerja yang ditetapkan oleh syarikat berkenaan.

8. PENGINAPAN

PLBV Kampus Induk Kompleks PERHEBAT menyediakan penginapan bagi pelatih-pelatih dari diluar Lembah Klang yang memerlukan.

9. KAD METRIK PELATIH

Semua pelatih disediakan kad metrik pelatih PERHEBAT sebagai pengenalan diri semasa menjalani latihan. Kad ini hendaklah dipakai sepanjang waktu latihan dan semasa mengikuti latihan Industri.

10. DISIPLIN

Setiap pelatih hendaklah mengekalkan disiplin tinggi sebagai anggota ATM dan pelatih PERHEBAT dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh ATM, PERHEBAT dan syarikat PLDP/industri dari masa kesemasa.

11. PERHIMPUNAN BULANAN

Semua pelatih diwajibkan menghadiri perhimpunan bulanan yang diadakan pada minggu pertama setiap bulan.(tertakluk kepada pindaan)

12. JAWATANKUASA PELATIH

Pengajar Bertugas akan melantik seorang ketua kursus dari kalangan pelatih kursus berkenaan. Ketua bagi setiap kursus akan melantik di kalangan mereka untuk membentuk Jawatankuasa Pelatih. Jawatankuasa pelatih yang diketuai oleh seorang Ketua Pelatih bertanggungjawab untuk merancang dan melaksana aktiviti ko-kurikulum pelatih seperti aktiviti kebajikan, sukan dan agama.

13. HARI SUKAN/RIADAH

Pengurusan PERHEBAT telah menetapkan hari sukan & riadah kakitangan dan pelatih PERHEBAT pada hari Jumaat mulai pukul 3.00 – 5.00 petang setiap minggu. Semua pelatih digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan riadah yang telah diaturkan oleh PERHEBAT atau Biro Sukan Pelatih.

14. KEMUDAHAN SURAU

Surau (Annur) PERHEBAT yang berkapasiti 300 orang jemaah boleh digunakan untuk aktiviti keagamaan pelatih muslim.

15. KEMUDAHAN KANTIN

Selain dewan sajian yang dikhususkan kepada semua pelatih, PERHEBAT menyediakan kemudahan kopitiam, *food court* dan kantin kepada kakitangan dan pelatih serta warga Kem Sungai Buloh di Kompleks PERHEBAT. Operasi semua premis ini adalah mengikut masa yang telah ditetapkan.



PERHEBAT

**PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGGARAN TENTERA
(PERHEBAT)**

**PERATURAN BERKURSUS, TATAKELAKUAN
DAN TATATERTIB PELATIH PERHEBAT 2012
(Pindaan 2022)**

1. TUJUAN

Peraturan berkursus, tatakelakuan dan tatatertib pelatih PERHEBAT ini hendaklah dipakai bagi seseorang pelatih sepanjang tempoh latihannya. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana pelatih yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini.

2. SKOP

2.1 Peraturan ini digunapakai oleh Pengurusan PERHEBAT bagi menguruskan proses pengendalian berkursus, tatakelakuan dan tindakan tatatertib pelatih PERHEBAT.

2.2 Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 5 Tahun 2005 (PMAT 5/2005) atau mana-mana perintah berkaitan yang dikeluarkan oleh ATM dari masa ke semasa.

3. OBJEKTIF

Objektif Peraturan Berkursus, Tatakelakuan dan Tatatertib pelatih PERHEBAT adalah seperti berikut :

- (a) Memastikan kemantapan disiplin pelatih PERHEBAT.
- (b) Memastikan penguatkuasaan tatatertib dan disiplin pelatih PERHEBAT.
- (c) Menentukan supaya pelatih dapat menjalani latihan dengan teratur tanpa sebarang gangguan.
- (d) Memastikan nilai dan etika dipatuhi supaya pelatih menjaga imej PERHEBAT dan ATM.
- (e) Mematuhi garis panduan dalam mengambil tindakan tatatertib terhadap pelatih yang melakukan kesalahan/melanggar peraturan.
- (f) Mencegah pelatih daripada melakukan perbuatan yang bertentangan dengan peraturan PERHEBAT.

4. TAKRIF

(1) Bagi maksud pemakaian dasar ini :

- (a) **"PERHEBAT"** merujuk kepada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera ;
- (b) **"PELATIH"** merujuk kepada seseorang .yang mengikuti sebarang kursus atau latihan tertentu di Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran ATM (PLBV) PERHEBAT;
- (c) **"UNIT TUMPANGAN"** merujuk unit tertentu di mana seseorang pelatih telah ditumpangkan bagi tujuan pentadbiran semasa menjalani latihan peralihan;
- (d) **"PUSAT LATIHAN"** bermaksud tempat di mana seseorang pelatih menjalani kursus / latihan peralihan;

- (e) **"LATIHAN"** merujuk semua aktiviti dan kerja yang ditetapkan di dalam jadual waktu latihan termasuk kuliah, pengajaran kerja amali latihan di dalam industri atau lain-lain aktiviti di bawah kelolaan PERHEBAT;
- (f) **"PIHAK BERKUASA LATIHAN"** merujuk Ketua Pengarah PERHEBAT atau pegawai yang telah diberi kuasa dalam pengurusan latihan dan pelatih.
- (g) **"TINDAKAN TATATERTIB"** merujuk sebagai satu proses tindakan tatatertib terhadap pelatih yang didapati melanggar peraturan-peraturan berkursus, tatakelakuan dan tatatertib.
- (h) **"DISABITKAN"** ATAU **"SABITAN"** berhubung dengan seseorang pegawai, ertinya suatu dapatan oleh mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis bahawa pelatih itu bersalah atas suatu kesalahan jenayah'
- (i) **"KESALAHAN JENAYAH"** merujuk apa-apa kesalahan yang menyalahi undang-undang negara.
- (j) **"CSM"** merujuk kepada Cawangan Sumber Manusia, Markas Perkhidmatan Darat/Laut/Udara Angkatan Tentera Malaysia.
- (k) **"TIDAK HADIR"** bagi maksud peraturan ini, tidak hadir termasuk tidak hadir selama berapa lama jua pun pada masa dan ditempat di mana pelatih itu dikehendaki hadir bagi melaksanakan latihannya.
- (l) **"PERNYATAAN AWAM"** termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat melalui apa-apa medium yang boleh dicapai oleh orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan.
- (m) **"GANGGUAN SEKSUAL"** merujuk kepada sebarang pelakuan berunsur seksual yang tidak diingini samada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atas sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terugut. Gangguan seksual ini boleh terjadi kepada sesiapa sahaja samada berlainan atau sesama jantina.

BAHAGIAN 1

PERATURAN BERKURSUS

5. KEWAJIPAN MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN

- (1) Seseorang pelatih PERHEBAT hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan kepada peraturan ini.
- (2) Pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan ini oleh seseorang pelatih boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib menurut peraturan ini.

6. MELAPOR DIRI DAN MENDAFTAR UNTUK LATIHAN

- (1) Setiap pelatih dikehendaki melapor diri untuk latihan pada tarikh yang ditetapkan. Kegagalan melapor diri dan mendaftar untuk latihan pada tarikh yang ditetapkan boleh menyebabkan pelatih tidak diterima untuk mengikuti latihan yang ditawarkan.
- (2) Setiap pelatih dikehendaki mengisi Borang Butir-Butir Peribadi Pelatih semasa mendaftar.

7. KEHADIRAN SEMASA LATIHAN

- (1) Tiap-tiap pelatih mestilah patuh kepada Jadual Waktu Latihan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Latihan dari masa ke semasa.
- (2) Seseorang pelatih mestilah menghadirkan diri untuk latihan tepat mengikut jadual di tempat-tempat yang telah ditetapkan dan ia tidak boleh meninggalkan latihan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Latihan.
- (3) Pelatih yang tiba lewat untuk latihan atau meninggalkan latihan lebih awal tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Latihan akan diambil kira sebagai tidak hadir pada slot berkenaan.
- (4) Ketidakhadiran latihan boleh ditakrifkan seperti berikut :
 - (a) Tidak hadir latihan sepanjang hari tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Latihan.
 - (b) Lewat hadir lebih daripada 10 minit tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Latihan - Pelatih yang hadir lewat daripada 10 minit dari bermula latihan dianggap tidak menghadiri keseluruhan slot tersebut.
 - (c) Meninggalkan latihan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Latihan melebihi 10 minit dianggap tidak menghadiri keseluruhan slot tersebut.
- (5) Seseorang pelatih yang tidak hadir latihan tanpa sebab yang telah diperakukan oleh Pihak Berkuasa Latihan akan dikenakan tindakan tatatertib.
- (6) Seseorang pelatih yang tidak hadir latihan kerana tidak sihat dikehendaki menyerahkan "Sijil Cuti Sakit" kepada Pihak Berkuasa Latihan.

- (7) Pelatih sendiri adalah bertanggungjawab di atas latihan yang tertinggal semasa ketidakhadirannya.
- (8) Pelatih yang didapati kehadirannya semasa latihan tidak memuaskan dengan apa-apa sebab jua pun dan tidak memenuhi syarat-syarat pensijilan, boleh diberhentikan mengikuti kursus sekiranya didapati tidak sesuai.
- (9) Pelatih boleh diarah oleh Pihak Berkuasa Latihan untuk mengikuti latihan tambahan jika diperlukan.

8. CUTI SEMASA LATIHAN

- (1) Tidak ada peruntukan dan kemudahan cuti rehat untuk semua pelatih sepanjang tempoh latihan. Hanya cuti ehsan (*compassionate leave*) sahaja yang dibenarkan tertakluk kepada maksima tiga hari mengikut budi bicara Pegawai Memerintah pasukan tumpangan sebagaimana termaktub dalam PMAT Bil.5 Tahun 2005.
- (2) Pelatih yang memohon cuti ehsan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Latihan dengan segera dan membawa dokumen sokongan apabila kembali menjalani latihan.
- (3) Pihak Berkuasa Latihan hanya menerima sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Angkatan Tentera Malaysia atau Pegawai Perubatan Hospital / Klinik Kerajaan sahaja.

9. PAKAIAN / PERAWAKAN

- (1) Semasa menjalani latihan, pelatih mestilah berpakaian kemas, bersih dan sesuai serta tidak menjolok mata.
- (2) Pelatih adalah dilarang memakai pakaian yang kurang sopan seperti koyak, ketat, nipis, menyerlahkan bentuk badan, terompah atau selipar di semua tempat dalam kawasan latihan di Pusat Latihan kecuali semasa berada di kawasan asrama PERHEBAT.
- (3) Semua pelatih lelaki dan wanita adalah dilarang memakai barang kemas seperti gelang tangan, subang atau rantai leher di dalam kawasan latihan.
- (4) Sekiranya mana-mana sesi latihan mensyaratkan pelatih perlu memakai pakaian keselamatan, maka pelatih yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk mematuhi.
- (5) Pelatih lelaki yang mengikuti latihan hendaklah berambut pendek dan kemas mengikut sebagaimana peraturan Angkatan Tentera Malaysia yang sedang berkuatkuasa.
- (6) Pelatih dilarang rambut berfesyen seperti 'Afro', 'Punk', 'Bekor', diwarnakan dan sebagainya.

- (7) Pelatih lelaki yang bermisai hendaklah sentiasa mengurusnya dengan kemas.
- (8) Pelatih muslimah hendaklah menutup aurat manakala pelatih wanita bukan Islam, rambut hendaklah diikat kemas terutamanya ketika menjalani latihan amali.

10. **TUGAS UNTUK MENJALANKAN KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB**

a. **PLBV Kampus Induk, Kompleks PERHEBAT**

- (1) Pengajar Bertugas bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pelatih masing-masing dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan ini.
- (2) Pengajar Bertugas hendaklah melapor pelanggaran kepada peraturan ini kepada Ketua Seksyen Latihan. Ketua Seksyen Latihan hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Latihan untuk tindakan lanjut.
- (3) Ketua Seksyen Hal Ehwal Pelatih hendaklah membentangkan kes pelanggaran peraturan ini dalam mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Tatatertib Pelatih.
- (4) Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Tatatertib Pelatih hendaklah memaklumkan keputusan persidangan tatatertib kepada Ketua Pengarah PERHEBAT.
- (5) Pengajar Bertugas yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pelatih, atau untuk mengambil tindakan terhadap pelatih yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

b. **PLBV PERHEBAT (Kampus Luar)**

- (1) Pengajar Bertugas bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pelatih masing-masing dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Pengajar Bertugas hendaklah melapor pelanggaran kepada peraturan ini kepada Pengurus PERHEBAT Negeri. Pengurus PERHEBAT Negeri hendaklah memaklumkan kepada Ketua Sekretariat Negeri untuk tindakan lanjut.
- (3) Ketua Seksyen Hal Ehwal dan Kebajikan Pelatih akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Tatatertib Pelatih bagi membincangkan kes pelanggaran peraturan ini.
- (4) Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Tatatertib Pelatih hendaklah memaklumkan keputusan persidangan tatatertib kepada Ketua Pengarah PERHEBAT.

- (5) Pengajar Bertugas yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pelatih, atau untuk mengambil tindakan terhadap pelatih yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

11. KEGAGALAN PELATIH MENCAPAI PIAWAI PUSAT LATIHAN

- (1) Pihak Berkuasa Latihan perlu mengambil tindakan terhadap pelatih yang di dalam proses pembelajarannya didapati telah gagal mencapai piawaian yang telah ditetapkan di Pusat Latihan. Kegagalan adalah seperti berikut :
- (a) Gagal dalam peperiksaan
 - (b) Tidak berupaya mengikuti kursus akibat tidak memahami dan tidak berupaya melaksanakan duti kerja
- (2) Tindakan Pihak Berkuasa Latihan adalah seperti berikut :
- (a) Adakan sesi kaunseling.
 - (b) Adakan sesi kelas tambahan.
 - (c) Pelatih dirujuk kepada Jawatankuasa Kebajikan dan Tatatertib Pelatih

12. PERPUSTAKAAN

- (1) Tiap-tiap pelatih mestilah mematuhi semua arahan atau peraturan-peraturan perpustakaan di Pusat Latihan.

13. PELAWAT

- (1) Pelatih hendaklah menentukan bahawa pelawat-pelawat yang hendak berjumpa mereka semasa latihan mestilah mendapat kebenaran dari Pihak Berkuasa Latihan.
- (2) Pelawat tidak dibenarkan berada di kawasan pejabat, bengkel latihan dan asrama.

14. KEMUDAHAN ASRAMA

- (1) Kemudahan tempat tinggal di asrama adalah satu keistimewaan bagi pelatih/pelatih yang menjalani kursus di PLBV Kompleks PERHEBAT. Keutamaan akan diberikan kepada pelatih yang kediaman mereka jauh/ di luar kawasan Lembah Klang. Kemudahan penginapan disediakan kepada pelatih adalah mengikut keutamaan seperti berikut :
- (a) Kursus 18 bulan
 - (b) Kursus 12 bulan
 - (c) Kursus 6 bulan ke bawah
- (2) Setiap bilik asrama telah dilengkapi dengan kemudahan seperti di senarai inventori untuk bilik-bilik. Sebarang kekurangan hendaklah dilaporkan kepada Penyelia Asrama atau kakitangan Unit Asrama.

- (3) Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelatih yang tinggal di asrama secara individu atau kumpulan untuk menjaga keselamatan semua alat-alat dalam senarai inventori tersebut. Sebarang kerosakan atau kehilangan alat-alat tersebut hendaklah dilaporkan serta merta kepada Penyelia Asrama di pejabat asrama.
- (4) Tuntutan kewangan boleh dikenakan kepada sesiapa yang secara terakhir menduduki sesuatu bilik untuk membaiki sebarang kerosakan dan mengganti kehilangan untuk bilik yang sama.
- (5) Penghuni asrama hendaklah mengosongkan bilik pada masa yang ditetapkan dan menyerahkan semula segala peralatan asrama termasuk kunci bilik kepada Penyelia Asrama:
 - (a) Setelah tamat menjalani latihan/ kursus;
 - (b) Apabila tidak memerlukan asrama melebihi 1 bulan (misalnya semasa menjalani latihan industri bagi pelatih-pelatih yang tinggal di luar).
 - (c) Apabila diarah untuk mengosongkan asrama bagi tujuan pentadbiran.
- (6) Pelatih menjalani latihan industri yang ingin tinggal di asrama dikehendaki membuat permohonan semula.
- (7) Pelatih-pelatih yang akan memasuki ke peringkat pertengahan dikehendaki mendaftar semula.
- (8) Penghuni asrama di nasihatkan supaya sentiasa berpakaian kemas semasa berada di bilik (kelab rekreasi), memakai kain sarung atau pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.
- (9) Selain daripada waktu yang dibenarkan pelatih-pelatih hanya boleh kembali ke asrama pada waktu rehat tengahari sahaja.
- (10) Pelatih mestilah berada di asrama sebelum pukul 12.00 tengah malam pada hari-hari biasa dan sebelum pukul 1.00 pagi pada hari-hari kelepasan Am kecuali mereka mendapat kebenaran khas secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Latihan.
- (11) lampu bilik hendaklah dipadamkan sebelum / pada jam 12.00 tengah malam.
- (12) Setiap pelatih yang layak menduduki asrama akan dikenakan yuran asrama mengikut jumlah yang ditetapkan.
- (13) Kebersihan di bilik-bilik asrama adalah tanggungjawab setiap penghuni yang tinggal di bilik tersebut. Penghuni adalah diminta supaya membersihkan dan menyapu bilik mereka sendiri. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan. Pihak PERHEBAT hanya bertanggungjawab untuk membersihkan bahagian kaki lima, longkang, tandas dan kawasan luar, bilik-bilik kosong dan mengambil sampah dari tong/bekas sampah di setiap tingkat asrama sahaja.
- (14) Penghuni asrama adalah dikehendaki membawa sendiri kain cadar, bantal dan sarung bantal.

- (15) Larangan-larangan yang dikenakan kepada pelatih yang mendiami asrama adalah seperti berikut :
- (a) Penghuni asrama tidak boleh bertukar bilik tanpa kebenaran Penyelia Asrama.
 - (b) Penghuni asrama tidak boleh membela haiwan seperti kucing, burung dan lain-lain haiwan ternakan.
 - (c) Penghuni asrama juga dilarang menjemur pakaian di ruang jalan kaki atau mana-mana bahagian yang boleh memburukkan pandangan awam. Penghuni-penghuni asrama diminta menggunakan tempat-tempat menjemur pakaian yang disediakan.
 - (d) Penghuni asrama dilarang menampal dan memaku dinding-dinding di bilik asrama kerana ia akan merosakkan struktur bangunan.
 - (e) Penghuni asrama lelaki tidak dibenarkan berada di asrama perempuan dan begitu juga sebaliknya.
 - (f) Penghuni asrama tidak dibenarkan membawa teman wanita/lelaki di asrama.
 - (g) Dilarang mengeluarkan sebarang harta hak milik PERHEBAT / Kerajaan daripada kawasan PERHEBAT;
 - (h) Penghuni asrama dilarang mengubah dan mengubahsuai perabut-perabut seperti kerusi, katil, meja, kabinet almari dan lain-lain perabut.
 - (i) Dilarang sebarang bentuk maksiat seperti berjudi, minum dan menyimpan arak (minuman keras / beralkohol), penyalahgunaan dadah, berkhalwat dan lain-lain
 - (j) Penghuni asrama dilarang membuat bising dan membuat kecoh yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni-penghuni lain.
 - (k) Dilarang sebarang bentuk perjumpaan/keriaan dan jamuan dilarang di bilik-bilik tidur asrama.
 - (l) Penghuni asrama di larang meletak kenderaan seperti motosikal / basikal dan kereta di kaki lima, dalam bilik, laluan jalan kaki, di dalam stor asrama dan di hadapan bangunan asrama.
 - (m) Dilarang menggunakan tandas-tandas untuk membasuh kenderaan pelatih-pelatih.
 - (n) Dilarang memasang sambungan wayar dan aerial TV di sepanjang kaki lima dan bumbung bangunan asrama.
 - (o) Dilarang memasang radio antara jam 12.00 malam hingga 6.00 pagi.

- (17) Lain-lain perkara yang dilarang diasrama :
- (a) memasak di dalam bilik individu atau kumpulan;
 - (b) Memasang alat pemanas;
 - (c) Memasang alat pembesar suara;
 - (d) Mengadakan parti di bilik tidur;
 - (e) Meminum atau menyimpan minuman keras di bilik-bilik;
 - (f) Menjadikan bilik sebagai bengkel;
 - (g) Menyimpan kenderaan (motosikal) di dalam bilik.
- (18). Untuk tujuan keselamatan, pelawat di larang masuk dan berada di bilik-bilik asrama. Waktu melawat adalah seperti berikut :
- (a) Hanya waktu-waktu di luar waktu pejabat 5.00 petang hingga 10.00 malam jika sekiranya dibenarkan.
 - (b) Dilarang berada di kawasan PERHEBAT selepas jam 10.00 malam.
 - (c) Penghuni asrama dikehendaki menyimpan barang berharga dan hak milik persendirian;
 - (d) Penghuni asrama hendaklah memadam semua suis elektrik terlebih dahulu sebelum meninggalkan bilik;
- (19) Pihak pengurusan PERHEBAT berhak meminda atau menambah peraturan-peraturan asrama apabila perlu.
- (20) Penghuni asrama mestilah mematuhi semua peraturan-peraturan asrama yang telah dan akan di tetapkan oleh pihak berkuasa PERHEBAT dari masa ke semasa.
- (21) Mana-mana penghuni asrama yang melanggar peraturan asrama ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- (22) Lain-lain perkara yang bersangkutan dengan peraturan ini akan diberitahu melalui surat pekeliling dari masa ke semasa.

15. PERATURAN-PERATURAN DEWAN SAJIAN

- (1) Semua urusan berkaitan dengan ransum adalah tertakluk kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera PMAT Bil. 5 Tahun 2005. Sukatan ransum adalah mengikut sukatan ransum ATM. Ransum untuk pelatih kursus PLBV Kompleks PERHEBAT adalah dibekalkan oleh pihak 91 Depoh Bekalan Pusat.
- (2) Kelayakan untuk kemudahan sajian adalah seperti berikut :
 - (a) Pelatih-pelatih PLBV Kompleks PERHEBAT yang berada dalam jadual/senarai kursus semasa.

- (b) Ahli-ahli Jawatankuasa Makanan dan Panel Citarasa Makanan yang dilantik dari masa ke semasa.
- (3) Waktu Makan
- (a) Semua pelatih dan pelatih kursus hendaklah mematuhi waktu-waktu makan seperti yang ditetapkan melalui surat-surat pekeliling dan arahan-arahan tetap dari masa ke semasa.
- (4) Peraturan-peraturan berkaitan dengan Dewan Sajian adalah seperti berikut :
- (a) Sebarang permintaan untuk mengadakan jamuan dan seumpamanya hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Pihak Berkuasa Latihan.
- (5) Segala aduan atau kemusykilan:
- (a) Hendaklah di dalam bentuk bertulis/ borang aduan dan kemukakan kepada Pihak Berkuasa Latihan atau
 - (b) Melalui Penyelia Rumah Masak dan AJK makanan yang dilantik.
 - (c) Dengan menggunakan Borang Cadangan yang telah disediakan di Dewan Sajian PERHEBAT.
- (6) Kepada pelatih-pelatih yang alergi kesihatan, surat akuan atau sijil daripada doktor kerajaan perlu sebagai bukti.
- (7) Kepada pelatih-pelatih yang tidak memakan daging (vegetarian) kerana larangan agama dikehendaki mendaftarkan diri kepada Penyelia Rumah Masak.
- (8) Tatacara berpakaian semasa pelatih berada di Dewan Sajian hendaklah kemas. Adalah dilarang memakai seluar pendek, singlet, baju 'T' tanpa lengan dan kolar, kain sarong dan selipar.
- (9) Pelatih dikehendaki menjaga kebersihan dan tidak menyebabkan sebarang kekotoran.
- (10) Pelatih tidak dibenarkan menghisap rokok.
- (11) Pelatih dikehendaki sentiasa memakai Kad Pelatih.
- (12) Pelatih dilarang membuat atau menyebabkan sesuatu yang boleh menimbulkan sebarang kekecohan, pertengkaran, tindakan mogok dan lain-lain jenis kekecohan.
- (13) Mana-mana pelatih yang melanggar Peraturan Dewan Sajian ini boleh dikenakan Tindakan Tatatertib.
- (14) Lain-lain perkara yang bersangkutan dengan peraturan ini akan diberitahu melalui surat pekeliling dari masa ke semasa.

16. **PERATURAN LALULINTAS DALAM KOMPLEKS PERHEBAT**

- (1) Kenderaan bermotor persendirian boleh digunakan di dalam kompleks PERHEBAT setelah didaftar dan mendapat kelulusan daripada pihak PERHEBAT.
- (2) Semua kenderaan bermotor yang didaftarkan mestilah mempamerkan pelekat kenderaan PERHEBAT.
- (3) Kenderaan hendaklah dipandu tidak melebihi had laju yang ditetapkan di dalam kawasan Kompleks PERHEBAT.
- (4) Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan dan disusun dengan teratur. Pelatih **tidak dibenarkan** meletak kenderaan mereka di tempat yang dikhaskan untuk Pegawai dan Kakitangan PERHEBAT.
- (5) Pelatih yang menggunakan kenderaan bermotor perlu mematuhi peraturan-peraturan:
 - a. Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insuran yang sah.
 - b. Menggunakan kenderaan bermotor yang tidak mengeluarkan bunyi bising yang mengganggu ketenteraman.
 - c. Bertimbang rasa terhadap pejalan kaki.
 - d. Mematuhi semua peraturan dan undang-undang lalulintas dan keselamatan jalanraya seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

BAHAGIAN II

TATAKELAKUAN

17. AM

- (1) Seseorang pelatih hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika berkelakuan baik mengikut keperluan tatakelakuan seorang anggota ATM dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pengurusan PERHEBAT dari semasa ke semasa.
- (2) Seseorang pelatih **dilarang** :
 - (a) Merokok di waktu kuliah dan latihan amali. Tempat yang dilarang merokok adalah seperti berikut :
 - (i) Di dalam bengkel dan bilik kuliah;
 - (ii) Di dalam Dewan Sajian;
 - (iii) Di tempat-tempat yang ada kenyataan "DILARANG MEROKOK".
 - (b) Mengganggu perjalanan kuliah, kerja-kerja amali dan lain-lain aktiviti atau menghalang Pihak Berkuasa Pusat Latihan menjalankan tugas-tugas;
 - (c) Menahan atau menghalang mana-mana kuliah, kelas atau kerja-kerja amali atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah yang dijalankan oleh atau di bawah arahan pihak berkuasa.
 - (d) Menggerakkan, menghasut atau menyertai pemuluan sesuatu kuliah, kelas, kerja amali, peperiksaan, ujian atau lain-lain aktiviti yang sah yang dijalankan oleh atau di bawah arahan Pihak Berkuasa Pusat Latihan.
 - (e) Memiliki, membekal, menyimpan atau menyalahgunakan dadah/racun;
 - (f) Membuat gangguan seksual iaitu pelakuan yang kurang disenangi oleh pengajar atau pelatih lain melalui kata-kata, isyarat, sentuhan, psikologi dan visual yang berunsur seks yang dilakukan secara berulang.
 - (g) Menghalang pengurusan PERHEBAT menjalankan pemeriksaan doktor terhadap pelatih-pelatih yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah atau racun;
 - (h) Membawa masuk atau meminum arak/ meminum minuman keras di dalam kawasan latihan.
 - (i) Memiliki, menyimpan, melihat atau mendengar apa-apa bahan lucah di kawasan latihan.
 - (j) Membahagi-bahagikan, mempamirkan, mengedar atau mengambil bahagian di dalam membahagi-bahagikan, mengedar atau mempamirkan apa-apa bahan lucah di dalam kawasan latihan samada secara bersendirian atau berkumpulan;

- (k) Mengadakan, mengurus, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan perjudian atau pertaruhan di dalam kawasan latihan samada secara bersendirian atau berkumpulan.
 - (l) Memiliki, membekal atau menyimpan senjata dan/atau bahan letupan berbahaya.
- (3) Pelanggaran atau keengganan pelatih-pelatih mematuhi larangan-larangan di atas boleh menyebabkan pelatih digantung dari mengikuti latihan atau disingkir dari Pusat Latihan atau tindakan selanjutnya yang diambil oleh Unit Tumpangan.

18. GANGGUAN SEKSUAL

- (1) Seseorang pelatih tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain iaitu, seseorang pelatih tidak boleh :
- (a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu;
 - (b) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.
- (2) Sebutan dalam subperaturan 17 tentang pelakuan sesuatu perbuatan yang bersifat seksual kepada orang lain :
- (a) Termasuklah perbuatan sesuatu pernyataan yang bersifat seksual kepada, atau di hadapan, orang lain itu samada pernyataan itu dibuat secara lisan, bertulis atau dengan apa-apa lain;
 - (b) Tidak terhad kepada pelakuan perbuatan itu di tempat kerja atau dalam waktu kerja sahaja selagi perlakuan itu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam, atau apa-apa gangguan seksual lain yang disebut di dalam undang-undang negara.
- (3) Tindakan yang boleh diambil oleh mangsa gangguan seksual.

Sekiranya ada dalam kalangan pelatih yang mengalami situasi di atas, maka pelatih tersebut bolehlah merujuk atau membuat aduan kepada:

- (a) Pengajar bertugas atau Ketua Seksyen Latihan untuk tindakan lanjut.
- (b) Atau sekiranya tidak pasti samada ianya adalah gangguan seksual, pelatih boleh menghubungi AKRAB PERHEBAT/ Kaunselor.
- (c) Adalah lebih kukuh jika aduan tersebut disertakan dengan bukti seperti sebarang catatan atau rekod kejadian (nota, surat, email, sms, gambar, poster dll)

19. PERHIMPUNAN

- (1) Pelatih-pelatih **tidak dibenarkan** mengadakan perhimpunan tanpa kebenaran dari Pihak Berkuasa Pusat Latihan.

20. **AKTIVITI-AKTIVITI LAIN PELATIH**

- (1) Pelatih atau kumpulan pelatih **tidak dibenarkan** menjalankan atau menyertai sebarang aktiviti di luar Pusat Latihan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Latihan terlebih dahulu dengan mematuhi apa-apa sekatan had atau syarat yang ditetapkan.
- (2) Pelatih-pelatih **tidak dibenarkan** melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan penggajian perdagangan atau lain-lain aktiviti ekonomi.
- (3) Pelatih atau kumpulan pelatih **tidak boleh** membuat apa-apa bantahan secara bertulis atau dengan apa-apa cara terhadap kemasukan seseorang atau sesuatu badan atau kumpulan orang ke dalam Pusat Latihan atau terhadap penyingkiran pelatih kerana tindakan tatatertib.

21. **KESELAMATAN**

- (1) Tiap-tiap pelatih dikehendaki mematuhi undang-undang atau Arahan Keselamatan Pusat Latihan semasa menjalani latihan di bengkel-bengkel, lawatan dan latihan dalam latihan industri.

22. **BARANG-BARANG HARTA HAKMILIK SENDIRI ATAU PUSAT LATIHAN**

- (1) Tiap-tiap pelatih adalah bertanggungjawab di atas segala barang-barang kepunyaan sendiri.
- (2) Kenderaan atau sebarang jenis kenderaan yang dimiliki pelatih hendaklah diletakkan di tempat yang telah dikhaskan.
- (3) Pelatih tidak dibenarkan membawa masuk atau keluar daripada mana-mana bengkel, makmal, perpustakaan, bangunan dan kawasan Pusat Latihan apa-apa juga barang, projek, harta atau hak milik Pusat Latihan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Latihan.
- (3) Pelatih tidak boleh menghalang arahan Pihak Berkuasa Latihan daripada menjalankan kewajibannya untuk membuat pemeriksaan ke atas mana-mana pelatih atau hak milik.
- (4) Tiap-tiap pelatih adalah bertanggungjawab di atas segala kerosakan atau kehilangan barang-barang berharga atau hak milik Pusat Latihan atas sebab-sebab kelalaian atau menyalahgunakan. Kerosakan atau kehilangan ini mesti diberitahu kepada Pihak Berkuasa Latihan dengan segera. Surcaj kerosakan akan dikenakan ke atas pelatih berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

23. **MEMBUAT PERNYATAAN AWAM**

- (1) Seseorang pelatih **tidak boleh** secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:

- (a) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Pihak Berkuasa Latihan tentang apa-apa isu;
- (b) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memudaratkan nama Pusat Latihan.
- (c) Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan dan keputusan Pihak Berkuasa Latihan; atau
- (d) Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, samada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

24. UMUM

- (1) Pelatih mestilah mematuhi peraturan peperiksaan yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Latihan.
- (2) Pelatih tidak dibenarkan berada di Pejabat kecuali ada urusan rasmi.
- (3) Pelatih tidak boleh menggunakan telefon rasmi untuk tujuan persendirian.
- (4) Pelatih tidak dibenarkan menggunakan radio atau televisyen di dalam asrama selepas jam 12.00 tengah malam. (Kompleks PERHEBAT sahaja)
- (5) Pelatih yang sakit mestilah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Latihan dengan seberapa segera supaya dapat diberi rawatan secepat mungkin.

25. PINDAAN

- (1) Pengurusan PERHEBAT boleh meminda keseluruhan peraturan di atas pada bila-bila masa yang difikirkan perlu tanpa sebarang notis.

BAHAGIAN III

TATATERTIB

26. TANGGUNGJAWAB LEMBAGA TATATERTIB

- (1) Komposisi Lembaga Tatatertib Pelatih PERHEBAT adalah terdiri daripada lima (5) orang ahli seperti berikut:
 - a. Ketua Sektor Latihan Kemahiran dan Keusahawanan - Pengerusi
 - b. Pegawai Unit Tumpangan - ahli
 - c. Pengarah Latihan berkenaan - ahli
 - d. Pengarah Bahagian Akademik – ahli
 - e. Ketua Seksyen Latihan berkenaan – ahli
 - f. Pengurus PERHEBAT Negeri berkenaan - ahli
 - g. Ketua Seksyen Hal Ehwal dan Kebajikan Pelatih - setiausaha
- (2) Lembaga Tatatertib hendaklah menimbangkan semua kes-kes kesalahan dan akan mengesyorkan Tindakan Tatatertib sewajarnya seperti di perenggan 28 (1) yang boleh dikenakan ke atas seseorang pelatih.
- (3) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah memaklumkan keputusan persidangan Lembaga Tatatertib kepada Ketua Pengarah.
- (4) Setiausaha Lembaga Tatatertib hendaklah memaklumkan secara bertulis keputusan persidangan / tindakan tatatertib kepada Pelatih pada kadar segera.

27. PROSES TINDAKAN TATATERTIB

- (1) Pengajar/ Penyelia Asrama/ Penyelia Sajian melalui pegawai atasan masing-masing hendaklah memulakan proses tindakan tatatertib terhadap pelatih yang melanggar peraturan-peraturan seperti berikut
 - (a) Kelewatan menghadiri latihan tanpa kebenaran dalam satu semester adalah dianggap sebagai kesalahan tatatertib iaitu:
 - i. 5 sesi terkumpul - peringatan pertama
 - ii. 5 sesi terkumpul berikutnya - peringatan kedua
 - iii. 5 sesi terkumpul berikutnya – tindakan tatatertib akan diambil oleh Pihak Berkuasa Latihan.
 - Peringatan bertulis bagi kesalahan i dan ii akan dikeluarkan oleh Pengajar Bertugas.
 - Peringatan bertulis bagi kesalahan iii akan dikeluarkan oleh Ketua Seksyen Latihan.
 - (b) Pelatih tidak hadir latihan tanpa sebarang kebenaran oleh pihak berkuasa latihan sepanjang pengajian di PERHEBAT adalah ditafsirkan telah melakukan kesalahan tatatertib :

- i. Tidak hadir 3 hari berturut-turut **atau** 9 sesi terkumpul - amaran bertulis pertama
 - ii. Tidak hadir 6 hari berturut-turut **atau** 18 sesi terkumpul - amaran bertulis terakhir
 - iii. Tidak hadir lebih 7 hari berturut-turut **atau** 21 sesi terkumpul – dirujuk kepada Lembaga Tatatertib
 - (c) Melanggar peraturan asrama / Dewan Sajian:
 - i. Amaran untuk pertama kali berlaku kesalahan
 - ii. Amaran kedua untuk kedua kali berlaku kesalahan
 - iii. Dirujuk kepada Lembaga Tatatertib selepas amaran kedua
 - (d) Kesalahan di dalam latihan termasuk Latihan Dalam Industri (LDI/OJT) – tertakluk kepada tempat Latihan
 - i. Amaran untuk pertama kali berlaku kesalahan
 - ii. Amaran kedua untuk kedua kali berlaku kesalahan
 - iii. Dirujuk kepada Lembaga Tatatertib selepas amaran kedua
 - (e) Kesalahan di bawah undang-undang awam / kesalahan jenayah
 - i. Dilaporkan kepada pihak polis awam / tentera.
 - ii. Kes dirujuk kepada CSM / Unit Tumpangan.
 - iii. Ditamatkan daripada menjalani kursus / latihan.
 - (f) Melanggar mana-mana peraturan Bahagian II Tatakelakuan kepada Peraturan ini.
- (2) Pelatih yang telah dijatuhkan hukuman boleh membuat rayuan kepada Ketua Pengarah PERHEBAT dalam masa 7 hari daripada tarikh surat hukuman. Keputusan Ketua Pengarah PERHEBAT itu adalah muktamad. Bagi Pusat Latihan Lain mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Latihan.

28. HUKUMAN TATATERTIB

(1) Jenis hukuman tatatertib

Persidangan Lembaga Tatatertib setelah menimbang segala keterangan dan bukti-bukti kes boleh mengenakan hukuman yang setimpal seperti berikut:

- (a) Kes digugurkan
- (b) Amaran
- (c) Ditamatkan latihan
- (d) Disingkirkan dari mendiami asrama

29. TABUNG KEBAJIKAN PELATIH PERHEBAT

- (1) Tabung Kebajikan Pelatih diwujudkan adalah untuk membantu meringankan bebanan kewangan pelatih yang ditimpa musibah.
- (2) Pelatih yang layak boleh membuat tuntutan menggunakan borang yang disediakan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan. Tuntutan hendaklah dimajukan ke Seksyen Hal Ehwal dan Kebajikan Pelatih melalui Ketua Biro Kebajikan pelatih / Pengurus PERHEBAT Negeri.
- (3) Kadar tuntutan kebajikan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelatih Bil 1/2021 adalah seperti berikut:-

3.1 Tuntutan Kematian

3.1.1	Pelatih	RM1,000.00
3.1.2	Isteri, Anak, Ibu/bapa	RM500.00

3.2 Tuntutan Bencana Alam (Banjir, Tanah runtuh, Ribut)

Melibatkan kerosakan kepada rumah yang didiami pelatih dan keluarga (rumah sendiri, rumah sewa, rumah mertua). Kelayakan sekali sahaja sepanjang latihan.

3.2.1	Pelatih	RM1,000.00
-------	---------	------------

3.3 Tuntutan Dimasukan ke Wad (sekurang-kurangnya sehari)

3.3.1	Pelatih	RM100.00
-------	---------	----------